

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 MARCH 2015

# Allahyarham ayahanda sentiasa dalam kenangan - PM

11M-12/3/2015

**KUALA LUMPUR 11 Mac** - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ayahandanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, akan sentiasa, dalam kenangannya.

"Hari ini genap hari lahir ke-93 Allahyarham ayahanda saya. Beliau sentiasa dalam kenangan saya. Al-Fatihah," kata Najib dalam catatan di laman Twitter.

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua yang dikenang sebagai Bapa Pembangunan Malaysia, dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, pada **11 Mac 1922**.

Allahyarham meninggal dunia pada **14 Jan 1976**. - **BERNAMA**



**ALLAHYARHAM TUN  
ABDUL RAZAK HUSSEIN**